

**ALIRAN MENGUNDI KAUM INDIA DALAM PILIHAN RAYA UMUM
2013: SUATU ANALISIS**

INDIAN VOTE FLOW IN GENERAL ELECTION 2013: AN ANALYSIS

Suresh Kumar N Vellymalay

School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau
Pinang, Malaysia

Email: suresh@usm.my

Artikel ini membincangkan aliran mengundi dan perpecahan undi kaum India kepada Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13). Aliran mengundi kaum India dipengaruhi oleh lokasi sosial kaum India, struktur kelas dan pertambahan pengundi baharu. Di kawasan-kawasan yang mempunyai 10% atau lebih pengundi India bagi kerusi Parlimen, kemenangan lebih berpihak kepada PR berbanding BN. Hal ini bermakna ramai pengundi India telah mengundi untuk calon PR berbanding BN. Terdapat pelbagai faktor lain yang menentukan perpecahan undi kaum India dalam PRU13. Artikel ini menerangkan beberapa faktor yang telah mendorong kaum India untuk mengundi PR; antaranya adalah peminggiran kaum India dalam pembangunan negara, implikasi perjuangan Hindu Rights Action Force (HINDRAF), isu Zulkifli Noordin, kekurangan perwakilan bagi kaum India dalam kerajaan, strategi Malaysian Indian Congress (MIC) dalam kempen pilihan raya, perjuangan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), peranan media sosial dan keyakinan rakyat pada PR. Walau bagaimanapun, sokongan kaum India kepada BN dalam pilihan raya ini telah meningkat berbanding PRU12. Bantuan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan kepada kaum India melalui Program Transformasi Nasional meningkatkan keyakinan golongan ini terhadap kerajaan BN. Faktor-faktor seperti usaha kerajaan dalam menyelesaikan masalah dokumentasi kaum India, perpecahan dalam kalangan pemimpin-pemimpin HINDRAF dan saranan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) untuk mengamalkan hukum hudud jika PR menang turut meningkatkan sokongan kaum India kepada BN. Sama ada pengundi India akan terus kembali kepada kedudukan mereka selaku "deposit tetap" kepada Barisan Nasional seperti sedia kala atau beralih kepada PR pada masa hadapan adalah bergantung kepada usaha BN merealisasikan keperluan dan harapan komuniti ini.

Kata kunci: pilihan raya, pengundi India, kerusi Parlimen, Barisan Nasional (BN), Pakatan Rakyat (PR)

This article discusses the voting trend of the Indians and the vote split between the Barisan Nasional (BN) and Pakatan Rakyat (PR) in the 13th General Election (GE13). The voting trend of the Indians is influenced by their social location, class structure and the increased number of new voters. In areas which have 10% or more Indian voters for parliamentary seats, PR candidates fared better than candidates from the BN. A greater number of Indian voters had therefore voted for PR candidates. Various factors determined the vote split by Indian voters in the GE13. This article explains some of the factors that have prompted the Indians to vote for the PR; such as the marginalisation of the Indians in national development, implications of Hindu Rights Action Force's (HINDRAF) struggle, the Zulkifli Noordin issue, lack of Indian representation in government, Malaysian Indian Congress's (MIC) strategy during the election campaign, the struggle of Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH), role of social media and the confidence that people have for the PR. Nevertheless, Indian support to BN in this election rose compared to the GE12. The assistance and services provided by the government to the Indians through the Program Transformasi Nasional gives them the confidence in supporting the BN government. Other factors such as the government's effort to overcome Indians' documentation problems, disunity among HINDRAF leaders and Parti Islam Se-Malaysia's (PAS) suggestion to practise hudud law upon a triumph of the PR, also enhanced Indians' support towards BN. Whether Indian voters will continue to return to their status as the "fixed deposit" of BN as before or shift to the PR in the future depends on the BN's effort to fulfill the needs and hopes of this community.

Keywords: election, Indian voters, parliamentary seat, Barisan Nasional (BN), Pakatan Rakyat (PR)

PENGENALAN

Tanggal 5 Mei 2013, Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) telah mengembalikan semula Barisan Nasional (BN) ke tampuk kekuasaan. Barisan Nasional telah memenangi 133 kerusi Parlimen daripada jumlah 222 kerusi yang dipertandingkan dan 275 kerusi Dewan Undangan Negeri daripada jumlah 505 kerusi yang dipertandingkan. Dalam pilihan raya ini, Pakatan Rakyat (PR) memenangi 89 kerusi Parlimen dan 229 kerusi Dewan Undangan Negeri. Daripada jumlah 89 kerusi Parlimen, 38 dimenangi oleh Democratic Action Party (DAP), 30 kerusi oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan selebihnya 21 kerusi oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Walaupun kemenangan berpihak kepada BN, namun ia mengalami kekalahan teruk di Pulau Pinang (PR: 10 kerusi; BN: 3 kerusi), Selangor (PR: 17 kerusi; BN: 5 kerusi), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PR: 9 kerusi; BN: 2 kerusi) dan Kelantan (PR: 9 kerusi; BN: 5 kerusi)

(Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013a). Malah, Johor yang dikatakan sebagai kubu kuat BN juga goyah dan berjaya dibolosi PR dengan memenangi 5 kerusi Parlimen dalam PRU13 (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013a) berbanding hanya satu kerusi pada Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU12) pada tahun 2008 (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2008). Walau bagaimanapun BN berjaya mendapatkan kembali Kedah (BN: 10 kerusi; PR: 5 kerusi) pada kali ini (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013a). Walaupun BN memenangi 133 kerusi Parlimen pada PRU13 namun ia merupakan suatu kehilangan besar kepada BN jika dibandingkan dengan PRU12. Dalam PRU12, BN telah memenangi 140 kerusi daripada jumlah 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan dan PR pula memenangi 82 kerusi iaitu PKR (31), DAP (28) dan PAS (23) (Chin and Wong, 2009). Hal ini bermakna dalam PRU13, BN telah kehilangan sebanyak 7 kerusi Parlimen manakala PR berjaya menambah bilangan kerusi bagi mencapai 89 kerusi Parlimen dalam PRU13 ini.

Tsunami politik dalam PRU13 perlu dilihat daripada beberapa aspek yang melibatkan pengundinya sendiri. Dari satu perspektif, BN telah mempelajari pelbagai pengalaman daripada kesilapan masa lampau terutamanya pada PRU12. Peralihan sokongan rakyat daripada BN kepada PR pada PRU12 membimbangkan pemimpin-pemimpin BN. Kekalahan BN di lima buah negeri (Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor dan Kelantan) selain Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada PRU12 dan kemenangan PR membolot 82 kerusi Parlimen mendorong kerajaan BN bertindak melipat gandakan usaha untuk mendapatkan sokongan padu rakyat untuk kembali menyokong BN. Konsep "1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dilancarkan untuk mendorong rakyat bergerak seiring dengan kerajaan. Konsep ini bertujuan meningkatkan imej negara dan menjadikan Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 melalui Agenda Transformasi Nasional yang merangkumi empat program utama iaitu Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Sosial. Menurut Perdana Menteri, Najib Razak, program ini menekankan pelan transformasi yang bertujuan untuk membantu masyarakat ke arah peluang ekonomi yang lebih cerah, perkhidmatan awam yang lebih berkesan dan pentadbiran kerajaan yang lebih baik (Performance Management and Delivery Unit [PEMANDU], 2013). Usaha ini kelihatan telah membuahkan hasilnya dalam pilihan raya kali ini. Pelancaran program ini menampakkan tindakan pantas Najib Razak menganalisis masalah dalam BN dan meneliti permintaan rakyat terhadap bentuk kerajaan yang bersifat *transparent*. Penekanan ini dilakukan agar kepercayaan rakyat dapat dikembalikan semula kepada BN selepas tsunami politik 2008. Tidak dapat dinafikan bahawa berjuta-juta rakyat Malaysia telah mendapat faedah daripada program ini melalui penerimaan pelbagai bentuk bantuan kewangan daripada pelbagai saluran (Abdul Rashid, 2013).

Jika dilihat dari perspektif lain pula, PRU13 juga telah menyaksikan gelombang kebangkitan rakyat ke arah PR sebagai kesinambungan daripada kebangkitan rakyat pada PRU12. Kebanjiran berpuluh ribu penyokong memenuhi tapak perhimpunan sewaktu kempen pilihan raya 2013 dan slogan "Ini kalilah" dan "Ubah" yang dilaungkan telah meninggalkan pengaruh yang besar terhadap rakyat terutamanya penyokong PR yang menginginkan perubahan dan peralihan kuasa. Gelombang ini telah menunjukkan gambaran yang jelas terhadap perpecahan dalam sokongan orang-orang Melayu kepada BN dan PR. Dalam kalangan orang-orang Melayu, Anwar Ibrahim dan Nik Abdul Aziz Nik Mat memainkan peranan sebagai pemimpin alternatif terutamanya bagi yang tidak menyokong kepimpinan Najib Razak. PRU13 juga mengetengahkan konsep "tsunami Cina" untuk menjelaskan peningkatan bilangan pengundi Cina dan lanjutan sokongan padu pengundi Cina ke arah parti pembangkang iaitu PR, khususnya DAP. Hal ini disifatkan sebagai kebangkitan yang drastik dalam kalangan pengundi Cina sebagai kesinambungan daripada angin perubahan pengundi Cina daripada BN kepada PR dalam PRU12. Walau bagaimanapun, pandangan bahawa rata-rata hanya kaum Cina telah berpihak kepada PR adalah suatu yang tidak berasas memandangkan terdapat juga ramai pengundi Melayu dan pengundi India yang turut menyokong dan mengundi PR dalam pilihan raya ini (*Makkal Osai*, 2013d).

Sebagaimana pengundi Melayu dan pengundi Cina, pengundi India juga memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju negara melalui proses PRU13. Menelusuri keputusan PRU12 pada tahun 2008, terdapat peralihan undi yang tinggi dalam kalangan pengundi India kepada PR sebagai protes kaum India kerana tidak berpuas hati dengan pembangunan sosio-ekonomi kaum India di Malaysia (*The Malaysian Insider*, 2012). Selain itu, kemunculan dan perjuangan Hindu Rights Action Force (HINDRAF) untuk membela nasib kaum India bukan sahaja telah memberi implikasi yang tinggi ke atas pengundi India malah turut memberi kesan yang tidak terhingga ke atas landskap politik Malaysia (*NDTV*, 2013). Maka, melalui Program Transformasi Nasional, kerajaan telah berusaha untuk menangani ketidakpuasan kaum India terhadap taraf hidup dan peluang ekonomi mereka. Justeru dalam PRU13 ini, BN tidak mungkin dapat memenangi kerusi Parlimen dan kerusi Dewan Undangan Negeri di beberapa tempat tanpa sokongan kuat daripada pengundi India. Walaupun pengundi India dikatakan memainkan peranan yang penting dalam kemenangan BN menerusi PRU13 namun usaha PR dalam meraih undi kaum India tidak dapat dinafikan. Sungguhpun manifesto PR tidak menyertakan keperluan kaum India secara khusus (Manifesto Pakatan Rakyat PRU ke-13, 2013), kita tidak dapat menafikan bahawa kegigihan PR dalam mempengaruhi fikiran dan memenangi hati kaum India telah mendorong sebahagian besar pengundi India untuk memberi sokongan kepada PR. Justeru artikel ini memberi perhatian kepada pengundi India dan aliran pengundian mereka dalam PRU13. Secara khususnya, artikel ini memfokuskan perbincangan terhadap aliran pengundian dalam kalangan

pengundi India dan faktor-faktor yang mendorong perpecahan sokongan dalam kalangan pengundi India kepada BN dan juga PR.

ALIRAN SOKONGAN PENGUNDI INDIA: BN ATAU PR?

Persaingan yang ditunjukkan oleh BN dan PR masing-masing dalam mendapatkan undi kaum India dalam PRU13 menunjukkan kepentingan undi kaum India dalam menentukan kemenangan pihak yang bertanding. Walaupun komuniti India tidak membentuk majoriti di mana-mana kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia namun undi golongan ini boleh menjadi penentu kepada kemenangan atau kekalahan seseorang calon yang bertanding di kawasan Parlimen tersebut. Lebih khusus lagi, undi kaum India menjadi rebutan calon BN dan PR terutamanya di tempat-tempat yang menunjukkan terdapatnya 10% atau lebih pengundi India.

Jadual 1: Kerusi Parlimen yang memaparkan lebih daripada 10% pengundi India dan parti yang menang

Negeri	Kerusi Parlimen	Peratus pengundi India*	Menang
Kedah	Merbok	17.5	BN
	Sungai Petani	12.0	PKR
	Kulim-Bandar Baharu	12.9	BN
	Padang Serai	22.6	PKR
Pulau Pinang	Bagan	14.7	DAP
	Batu Kawan	23.3	DAP
	Nibong Tebal	17.6	PKR
	Bukit Bendera	11.1	DAP
	Jelutong	11.2	DAP
	Bukit Gelugur	10.6	DAP
	Bayan Baru	10.9	PKR
Perak	Bagan Serai	10.1	BN
	Taiping	13.5	DAP
	Sungai Siput	21.4	PKR
	Tambun	12.1	BN
	Ipoh Barat	23.6	DAP
	Batu Gajah	15.0	DAP

(bersambung)

Jadual 1: (bersambung)

Negeri	Kerusi Parlimen	Peratus pengundi India*	Menang
Perak	Beruas	11.9	DAP
	Tapah	13.3	BN
	Lumut	12.1	PKR
	Bagan Datoh	23.5	BN
	Teluk Intan	19.1	BN
	Tanjung Malim	14.0	BN
	Pahang	Cameron Highlands	12.5
Selangor	Hulu Selangor	17.9	BN
	Kuala Selangor	22.0	BN
	Selayang	17.4	PKR
	Gombak	11.2	PKR
	Hulu Langat	11.3	PAS
	Serdang	11.0	DAP
	Puchong	15.9	DAP
	Kelana Jaya	18.6	PKR
	Petaling Jaya Selatan	16.5	PKR
	Subang	12.7	PKR
	Shah Alam	14.2	PAS
	Kapar	14.4	PKR
	Klang	19.8	DAP
	Kota Raja	29.5	PAS
	Kuala Langat	17.2	PKR
Sepang	15.9	PAS	
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	16.2	PKR
	Segambut	12.1	DAP
	Setiawangsa	11.2	BN
	Titivangsa	10.4	BN
	Bukit Bintang	10.8	DAP
	Lembah Pantai	20.0	PKR

(bersambung)

Jadual 1: (bersambung)

Negeri	Kerusi Parlimen	Peratus pengundi India*	Menang
Negeri Sembilan	Jempol	13.1	BN
	Seremban	13.7	DAP
	Rasah	22.2	DAP
	Rembau	16.4	BN
	Telok Kemang	24.0	PKR
	Tampin	12.7	BN
Melaka	Alor Gajah	12.9	BN
	Jasin	10.2	BN
Johor	Labis	15.1	BN
	Tebrau	13.3	BN
	Pasir Gudang	11.1	BN
	Pulai	10.0	BN
	Gelang Patah	12.5	DAP
	Kulai	10.3	DAP

*Peratus pengundi India adalah berdasarkan *The Sun* (2013).
Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2013a).

Jadual 1 menunjukkan kawasan-kawasan Parlimen yang memaparkan 10% atau lebih pengundi India berserta parti yang memenangi kerusi di kawasan Parlimen tersebut. Berdasarkan Jadual 1, PR memenangi 38 kerusi Parlimen manakala BN pula memenangi sejumlah 22 kerusi Parlimen di tempat-tempat yang menunjukkan 10% atau lebih pengundi India. Selangor dan Perak merupakan dua negeri yang mempunyai kepadatan penduduk India yang paling tinggi di Malaysia. Maka, tidak menghairankan jika dikatakan bahawa negeri-negeri ini memiliki lebih banyak kawasan Parlimen yang mempunyai pengundi India yang ramai iaitu merangkumi 10% atau lebih di satu-satu kawasan Parlimen; diikuti oleh Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Justeru dapat dikatakan bahawa pengundi India juga telah memainkan peranan yang penting dalam menentukan lebih banyak kemenangan PR di negeri Perak, Selangor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada PRU13.

Tambahan lagi, jika diperhalusi Jadual 1, kawasan-kawasan Parlimen yang mempunyai lebih daripada 20% pengundi India turut memperlihatkan pertandingan yang sengit antara kedua-dua pihak yang bertanding. Misalnya, persaingan antara Heng Seai Kie (BN-MCA) dan N. Surendran (PKR) di Padang Serai, N. Gobalakrishnan (BN-GERAKAN) dan Kasthuriraani Patoo (DAP) di Batu Kawan, S. K. Devamany (BN-MIC) dan Michael Jeyakumar Devaraj (PKR)

di Sungai Siput, Cheng Wei Yee (BN-MCA) dan M. Kulasegaran (DAP) di Ipoh Barat, Murugesan Sinnandavar (BN-MIC) dan Siti Mariah Mahmud (PAS) di Kota Raja, Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin (BN-UMNO) dan Nurul Izzah Anwar (PKR) di Lembah Pantai, Teo Eng Kian (BN-MCA) dan Teo Kok Seong (DAP) di Rasah dan V. S. Mogan (BN-MIC) dan Kamarul Baharin Abbas (PKR) di Telok Kemang jelas menunjukkan perpecahan undi dalam kalangan pengundi India. Tiga kawasan Parlimen yang memperlihatkan pertandingan yang paling sengit dan merupakan kerusi paling panas adalah Sungai Siput, Lembah Pantai dan Telok Kemang. Percaturan persepsi oleh pembangkang dan strategi pembangkang meletakkan calon yang popular, berpengalaman dan berkredibiliti di kawasan-kawasan ini telah membawa angin perubahan yang besar dalam sokongan pengundi India kepada PR. Walau bagaimanapun, BN berjaya memenangi kerusi di Bagan Datoh dan Kuala Selangor. Pertembungan antara Ahmad Zahid Hamidi (BN-UMNO) dan Madhi Hassan (PKR) di Bagan Datoh dan Irmohizam Ibrahim (BN-UMNO) dan Dzulkefly Ahmad (PAS) di Kuala Selangor membuktikan bahawa pengundi masih yakin dengan kredibiliti BN dan tidak terpengaruh dengan percaturan persepsi pembangkang. Tambahan lagi, populariti, pengalaman dan kredibiliti calon BN yang bertanding di dua kawasan Parlimen itu turut mendorong sokongan pengundi India ke atas BN.

CALON INDIA DAN KEMENANGAN KERUSI PARLIMEN

Dalam PRU13, terdapat 41 calon India yang bertanding bagi merebut 25 kerusi Parlimen di Semenanjung Malaysia (rujuk Jadual 2). Daripada jumlah tersebut, 13 calon mewakili BN iaitu merangkumi 9 calon daripada Malaysian Indian Congress (MIC), 3 calon daripada Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN) dan seorang calon daripada Parti Progresif Penduduk (PPP). Sebanyak 13 calon lain mewakili PR (8 daripada DAP dan 5 daripada PKR) manakala 15 calon lagi bertanding di bawah tiket calon bebas.

Keputusan PRU13 menunjukkan bahawa calon India yang mewakili PR berjaya memenangi 10 kerusi Parlimen (rujuk Jadual 2). Daripada jumlah 10 kerusi yang dimenangi oleh calon India daripada PR, 6 kerusi dimenangi oleh DAP dan 4 kerusi dimenangi oleh PKR. Calon India daripada MIC yang bertanding mewakili BN hanya berjaya memenangi 4 kerusi Parlimen daripada 9 kerusi (lihat *The Star*, 2013). Seperkara yang dapat dianalisis di sini adalah percaturan persepsi PR dan strategi mereka dalam mengatur kesesuaian calon yang bertanding bagi kerusi Parlimen tersebut. Percaturan persepsi yang diwujudkan oleh pembangkang melalui kempen pilihan raya secara besar-besaran dan koordinasi yang menggabungkan strategi yang baik dalam perletakan calon India yang berpotensi untuk menang lebih berpihak kepada PR. Didapati bahawa 9 daripada 10 calon India yang bertanding mewakili PR ini juga mempunyai

pengaruh dan populariti yang tinggi di mata masyarakat India secara umumnya (rujuk Jadual 3).

Jadual 2: Kerusi Parlimen dan calon India bagi PRU13

Negeri	Kerusi Parlimen	Calon India yang bertanding*					Menang**
		BN	DAP	PKR	PAS	Bebas	
Kedah	Padang Serai			1		1	PKR
Pulau Pinang	Batu Kawan	1	1			1	DAP
	Bukit Gelugor		1				DAP
Perak	Larut					1	–
	Sungai Siput	1		1		1	PKR
	Ipoh Barat		1			1	DAP
	Batu Gajah		1				DAP
	Tapah	1		1			BN
	Teluk Intan					1	–
Pahang	Cameron Highlands	1	1			2	BN
	Indera Mahkota					1	–
Selangor	Hulu Selangor	1				1	BN
	Puchong	1	1				DAP
	Subang	1		1			PKR
	Kapar	1		1		1	PKR
	Klang		1				DAP
	Kota Raja	1				1	–
	Kuala Langat					1	–
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Kepong	1					–
	Segambut	1					–
Negeri Sembilan	Seremban					1	–
	Telok Kemang	1					–
Johor	Segamat	1					BN
	Labis		1				–
	Kulai					1	–
Jumlah Calon India		13	8	5		15	

*Calon India yang bertanding berdasarkan *The Sun* (2013).

**Bahagian bertanda (–) dimenangi oleh calon bukan India bagi kawasan Parlimen yang dinyatakan. Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2013a).

Percaturan persepsi pembangkang merupakan antara faktor utama yang telah mendorong kemenangan calon-calon seperti N. Surendran (PKR), Kasthuriraani Patoo (DAP), Karpal Singh (DAP), Michael Jeyakumar Devaraj (PKR), M. Kulasegaran (DAP), V. Siva Kumar (DAP), Gobind Singh Deo (DAP), Sivarasa Rasiah (PKR) dan Charles Anthony R. Santiago (DAP). Dalam hal ini, calon BN telah menghadapi kesukaran yang tinggi untuk mengatasi

percaturan persepsi pembangkang di kawasan-kawasan ini. Selain percaturan persepsi pembangkang, calon-calon ini telah menguatkan pengaruh, populariti dan personaliti di kawasan Parlimen yang ditandingi. Tidak dapat dinafikan bahawa mereka juga sememangnya mempunyai populariti yang tinggi dalam kalangan masyarakat India secara umumnya. Menurut Sivamurugan Pandian (*pers. comm.*, 28 Ogos 2013), faktor percaturan persepsi pembangkang amat jelas sekali terutamanya di kawasan Parlimen Sungai Siput. Beliau menegaskan bahawa calon BN S. K. Devamany telah menghadapi kesukaran untuk mengatasi percaturan persepsi pembangkang di kawasan Parlimen ini. Hal ini merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan S. K. Devamany tewas kepada calon PR Michael Jeyakumar Devaraj. Jika dilihat dari sudut lain, kawasan Parlimen Sungai Siput juga pernah menyaksikan kekalahan bekas presiden MIC S. Samy Vellu kepada Michael Jeyakumar Devaraj pada PRU12. Maka, dalam tempoh 2008–2013, Michael Jeyakumar Devaraj telah berjaya mengukuhkan pengaruh, populariti dan personalitinya di Sungai Siput. Lantaran itu, percaturan persepsi pembangkang dan kekuatan pengaruh calon pembangkang yang bertanding menjadi penghalang utama kepada S. K. Devamany untuk merampas kerusi tersebut daripada pembangkang.

Jadual 3: Calon India yang menang bagi PR

Calon	Kerusi Parlimen	Menang
N. Surendran	Padang Serai	PKR
Karpal Singh	Bukit Gelugor	DAP
Kasthuriraani Pato	Batu Kawan	DAP
Michael Jeyakumar Devaraj	Sungai Siput	PKR
M. Kulasegaran	Ipoh Barat	DAP
V. Siva Kumar	Batu Gajah	DAP
Gobind Singh Deo	Puchong	DAP
Sivarasa Rasaiah	Subang	PKR
Charles Anthony R. Santiago	Klang	DAP
G. Manivannan Gowindasamy	Kapar	PKR

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2013a).

Bagi calon-calon MIC, daripada sembilan calon India MIC yang bertanding di bawah BN, hanya empat calon yang berjaya merebut kerusi Parlimen iaitu G. Palanivel, M. Saravanan, P. Kamalanathan dan S. Subramaniam (rujuk Jadual 4). Keempat-empat calon ini bertanding di kerusi tradisi MIC. Sokongan parti komponen BN secara menyeluruh telah membantu kemenangan keempat-empat calon ini. Pada masa yang sama, peratusan pengundi Cina yang kurang berbanding pengundi Melayu dan pengundi India telah banyak membantu keempat-empat calon ini. Calon India daripada Parti GERAKAN

tumpas di ketiga-tiga kawasan Parlimen iaitu di Batu Kawan, Puchong dan Segambut manakala calon India daripada PPP juga tumbang di Kepong. Menurut Sivamurugan Pandian (*pers. comm.*, 28 Ogos 2013), kekalahan calon India daripada BN juga berpunca daripada kesukaran untuk mengatasi percaturan persepsi pembangkang. Kekalahan di kawasan-kawasan tersebut juga amat dipengaruhi oleh faktor pengundi bandar, perluasan informasi alternatif dan sokongan kuat pengundi Cina kepada pembangkang. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan Malaysian Chinese Association (MCA), GERAKAN dan PPP, MIC telah mendapat keputusan yang lebih cemerlang dalam PRU13 ini (*Thina Kural*, 2013f).

Jadual 4: Calon India yang menang bagi BN

Calon	Kerusi Parlimen	Menang
G. Palanivel	Cameron Highlands	BN
M. Saravanan	Tapah	BN
P. Kamalanathan	Hulu Selangor	BN
S. Subramaniam	Segamat	BN

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2013a).

Jadual 5 menunjukkan pertandingan antara calon India daripada BN dan PR bagi kerusi Parlimen di beberapa buah negeri dalam PRU13. Didapati bahawa PR berjaya memenangi lima kerusi Parlimen daripada jumlah tujuh kerusi Parlimen yang ditandingi oleh calon India. Dua lagi kerusi Parlimen dimenangi oleh calon BN. Kemenangan ini menunjukkan bahawa 71.4% kerusi Parlimen yang ditandingi oleh calon India daripada kedua-dua parti berpihak kepada PR. Hal ini membuktikan bahawa percaturan persepsi pembangkang telah memberi impak yang tinggi ke atas kaum India dalam meraih sokongan rakyat. Justeru dapat dikatakan bahawa calon India daripada BN di Batu Kawan, Sungai Siput, Puchong, Subang dan Kapar gagal mengatasi pencaturan persepsi yang dicetuskan oleh pembangkang. Kempen besar-besaran oleh PR dan implikasi terhadap gelombang kebangkitan rakyat yang mengharapkan peralihan kuasa turut memperkukuhkan sokongan pengundi India terhadap calon PR. Bagi calon BN pula iaitu G. Palanivel dan M. Saravanan, kebijaksanaan mereka bertanding di kerusi tradisi MIC dan pengalaman mereka dalam teraju kepimpinan MIC telah mengukuhkan sokongan kaum India. Selain itu, kekuatan pengaruh, populariti dan personaliti calon-calon ini dalam kalangan kaum India turut menjanjikan kemenangan kepada kedua-dua calon ini.

Berdasarkan Jadual 5, didapati bahawa dua kerusi Parlimen yang dimenangi oleh calon BN iaitu di Tapah dan Cameron Highlands merupakan kawasan Parlimen yang mempunyai peratus pengundi India yang rendah bilangannya iaitu sebanyak 13.3% dan 12.5% masing-masing. Hal ini bermakna

PR telah memenangi kerusi Parlimen di kawasan-kawasan yang mempunyai peratus pengundi India yang tinggi (kecuali Subang). Justeru dapat dikatakan bahawa lebih ramai pengundi India di satu-satu kawasan Parlimen telah beralih undi mereka kepada calon PR berbanding kepada calon BN.

Jadual 5: Pertandingan antara calon India BN dan calon India PR bagi kerusi Parlimen dalam PRU13

Negeri	Kerusi Parlimen (Peratus pengundi India*)	Calon	Parti	Undi	Menang	Undi majoriti
Pulau Pinang	Batu Kawan (23.3)	N. Gobalakrishnan	BN	10,674		
		P. Kasthuriraani	DAP	36,636	DAP	25,962
Perak	Sungai Siput (21.4)	S. K. Devamany	BN	18,800		
		Michael Jeyakumar Devaraj	PKR	21,593	PKR	2,793
	Tapah (13.3)	M. Saravanan	BN	20,670		
		K. Vasantha Kumar	PKR	12,743	BN	7,927
Pahang	Cameron Highlands (12.5)	G. Palanivel	BN	10,506		
		M. Manogaran	DAP	10,044	BN	462
Selangor	Puchong (15.9)	A.Kohilan Pillay	BN	30,136		
		Gobind Singh Deo	DAP	62,938	DAP	32,802
	Subang (12.7)	A. Pakas Rao	BN	39,549		
		R. Sivarasa	PKR	66,268	PKR	26,719
Kapar (14.4)	A. Saktivel	BN	46,059			
	G. Manivannan	PKR	69,849	PKR	23,790	

*Peratus pengundi India adalah berdasarkan *The Sun* (2013).

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2013a).

Jadual 6 menunjukkan pertandingan antara calon India dan calon bukan India yang bertanding bagi kerusi Parlimen yang sama dalam PRU13. Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat bahawa 75% daripada kemenangan kerusi Parlimen berpihak kepada PR. Jadual 6 juga memberi tafsiran kepada beberapa perkara berikut:

1. Daripada 12 kerusi Parlimen yang memperlihatkan pertandingan antara calon India dan calon bukan India, 10 kerusi Parlimen yang dipertandingkan berada di kawasan Parlimen yang mempunyai pengundi India lebih daripada 10%. Daripada jumlah 10 kerusi tersebut, 8 kerusi dimenangi oleh PR. Malah, daripada lapan kerusi tersebut lima kerusi telah dimenangi oleh calon India. Maka, boleh dikatakan bahawa kemenangan PR bagi kerusi-kerusi Parlimen tersebut juga ditentukan oleh sebahagian besar pengundi India.

2. Kemenangan calon India daripada PR di lima kerusi Parlimen (Padang Serai, Ipoh Barat, Batu Gajah, Klang dan Bukit Gelugor) menunjukkan undi populariti calon. Selain faktor percaturan persepsi pembangkang, kelima-lima calon tersebut juga telah berjaya menguatkan pengaruh, populariti dan personaliti dalam kalangan kaum India. Sokongan kaum India kepada calon-calon PR tersebut ditentukan oleh pengaruh dan populariti berbanding dengan calon BN yang kurang popular atau tidak dikenali secara mendalam oleh pengundi India di kawasan Parlimen tersebut.
3. Kemenangan calon PR di empat kerusi Parlimen (Padang Serai, Ipoh Barat, Kota Raja dan Telok Kemang) merupakan kawasan Parlimen yang mempunyai peratus tertinggi pengundi India. Hal ini bermakna lebih ramai pengundi India telah mengundi untuk calon PR berbanding BN di kawasan-kawasan ini.
4. Kekalahan S. Murugesan (BN) kepada Siti Mariah Mahmud (PAS) di Kota Raja selain kekalahan V. Mogan (BN) kepada Kamarul Baharin Abbas (PKR) di Telok Kemang menunjukkan bahawa pengundian pengundi India lebih berpihak kepada parti bukan kepada pemilihan calon berdasarkan persamaan etnik. Kedua-dua kawasan Parlimen ini mempunyai peratus pengundi India yang tertinggi: 29.5% dan 24.0% masing-masing. Pola pengundian yang sama diperhatikan di Kepong dan Segambut iaitu kemenangan kepada calon bukan India daripada DAP.
5. Kemenangan calon BN di Hulu Selangor dan di Segamat misalnya, ditentukan oleh kebijaksanaan calon bertanding di kerusi tradisi MIC. Faktor ini telah memperkukuh kepercayaan pengundi India terhadap kredibiliti calon-calon tersebut. Walaupun sokongan pengundi India kepada S. Subramaniam adalah tinggi namun kemenangan S. Subramaniam di Segamat tidak banyak ditentukan oleh pengundi India. Hal ini kerana peratus pengundi India di kawasan Parlimen tersebut adalah kurang daripada 10% jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain. Di samping itu, S. Subramaniam juga berhadapan dengan perpecahan undi India kepada pihak lawan iaitu Chua Jui Meng (PKR) yang turut mempunyai populariti yang tinggi. Walau bagaimanapun, boleh dikatakan bahawa "pengaruh" S. Subramaniam telah membawa kemenangan kepadanya berbanding "populariti" Chua Jui Meng.

Jadual 6: Pertandingan antara calon India dan calon bukan India bagi kerusi Parlimen dalam PRU13

Negeri	Kerusi Parlimen (Peratus pengundi India*)	Calon	Parti	Undi	Menang	Undi majoriti
Pulau Pinang	Bukit Gelugor (10.6)	Teh Beng Yeam	BN	13,597		
		Karpal Singh	DAP	56,303	DAP	42,706
Kedah	Padang Serai (22.6)	Heng Seai Kie	BN	25,714		
		N. Surendran	PKR	34,151	PKR	8,437
Perak	Ipoh Barat (23.6)	Cheng Wei Yee	BN	16,382		
		M. Kulasegaran	DAP	45,420	DAP	29,038
	Batu Gajah (15.0)	Loo Thin Tuck	BN	15,360		
		V. Sivakumar	DAP	53,770	DAP	38,410
Selangor	Hulu Selangor (17.6)	P. Kamalanathan	BN	37,403	BN	3,414
		Khalid Jaafar	PKR	33,989		
	Klang (19.8)	Teh Kim Poo	BN	29,034		
		Charles Anthony	DAP	53,719	DAP	24,685
	Kota Raja (29.5)	S. Murugesan	BN	29,711		
		Siti Mariah Mahmud	PAS	59,106	PAS	29,395
Wilayah Persekutuan	Kepong (6.4)	A.Chandrakumanan	BN	7,530		
		Tan Seng Giew	DAP	47,837	DAP	40,307
	Segambut (12.1)	B. Jayanthi Devi	BN	22,184		
		Lim Lip Eng	DAP	41,383	DAP	19,199
Negeri Sembilan	Telok Kemang (24.0)	V.S. Mogan	BN	28,269		
		Kamarul Baharin Abbas	PKR	29,848	PKR	1,579
Johor	Segamat (9.9)	S. Subramaniam	BN	20,037	BN	1,217
		Chua Jui Meng	PKR	18,820		
	Labis (15.1)	Chua Tec Yong	BN	15,821	BN	353
		S. Ramakrishnan	DAP	15,468		

*Peratus pengundi India adalah berdasarkan *The Sun* (2013).
Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2013a).

Justeru tanpa mengambil kira faktor-faktor lain yang menjejaskan sokongan pengundi India kepada BN, adalah agak jelas bahawa percaturan persepsi pembangkang merupakan salah satu pemangkin yang telah mempengaruhi pola pengundian yang dilakukan oleh pengundi India. Pada masa yang sama, perletakan calon-calon India terutamanya yang kurang berpengaruh dan kurang popular oleh BN di beberapa kerusi Parlimen menjadi durian runtuh kepada PR untuk mudah meraih undi pengundi India.

CIRI-CIRI PENGUNDI INDIA SEBAGAI FAKTOR PENENTU UNDI

Aliran pengundian kaum India dalam PRU13 dapat dilihat dalam beberapa aspek utama. Pertama, aliran dan pola pengundian pengundi India pada PRU13 ini bergantung kepada lokasi sosial pengundi India itu sendiri sama ada pengundi India bandar atau pengundi India luar bandar. Kedua, aliran mengundi pengundi India dipengaruhi oleh peningkatan pengundi baharu. Ketiga, aliran mengundi dalam kalangan pengundi India juga mempunyai pergantungan yang tinggi kepada stratifikasi kelas pengundi.

Perbezaan lokasi sosial dalam kalangan kaum India mempengaruhi pola pengundian dan pemilihan calon oleh pengundi India. Walaupun Najib Razak menafikan bahawa rakyat terpisah antara bandar dan luar bandar (*Makkal Osai*, 2013d) namun ia suatu aspek yang perlu diperhalusi dengan mendalam. Bagi kaum India di luar bandar, taat setia kepada BN masih lagi kukuh; sebagaimana yang ditunjukkan sejak dahulu lagi. Golongan ini amat menghargai sumbangan dan bantuan yang diterima daripada kerajaan yang memerintah. Sebagai balasan kepada sumbangan BN, undi tetap berpihak kepada BN atas dasar taat setia. Sehingga terdapat juga sesetengah daripada mereka memberi sokongan padu kepada BN dengan memangkah simbol dacing pada kertas undi tanpa sebarang pengetahuan tentang ciri-ciri dan kredibiliti calon yang bertanding bagi BN. Golongan ini mempunyai pendirian yang kukuh terhadap BN. Malah pendirian ini tidak mudah diubah. Hal ini kerana, sebagaimana pandangan orang Melayu di luar bandar yang meyakini keupayaan BN sebagai satu-satunya parti yang dapat meningkatkan taraf hidup golongan ini melalui bantuan pembangunan (Chandra, 1990), kaum India di luar bandar juga mempunyai pandangan yang sama terhadap pengaruh BN dalam meningkatkan taraf hidup mereka.

Bagi kaum India di bandar pula, sosialisasi dan pendedahan dunia luar membolehkan golongan ini banyak terdedah kepada media massa tidak kira media cetak mahupun media elektronik. Golongan ini lebih mengambil tahu pembangunan sosioekonomi rakyat dan perkembangan politik negara. Golongan ini juga berupaya menggarap, menganalisis dan menginterpretasikan pelbagai isu yang berlaku di dalam dan di luar negara. Sejak tahun 1980-an, perubahan yang berlaku dalam pembangunan ekonomi negara membawa perubahan kepada kehidupan kaum India. Secara umumnya, kemiskinan, tingkat pendapatan yang rendah, kekurangan peluang kerja di estet di samping pembangunan ekonomi yang mengubah estet untuk pembangunan perumahan, industri dan rekreasi adalah antara faktor yang mendorong migrasi sesetengah kaum India dari estet ke bandar (Jomo, 1989; Navamukundan, 1993). Pengambilan pekerja asing terutamanya warga Indonesia dan imigran lain untuk mengisi peluang kerja di sektor perladangan telah memaksa pekerja India ladang berpindah ke bandar dengan harapan untuk mendapatkan peluang kerja yang lebih baik (Jomo, 1989; Navamukundan, 1993; Selvakumaran, 1994). Kebanyakan pekerja ladang yang berpindah ke bandar untuk mencari nafas baru tidak mempunyai pendidikan yang

tinggi dan rata-ratanya hanya mempunyai taraf pendidikan sekolah menengah (Selvakumaran, 1994). Pada masa yang sama, industrialisasi, pembangunan ekonomi dan peluang kerja di bandar telah turut mendorong penghijrahan kaum India ke kawasan bandar (Jain, 2009). Penghijrahan ini telah memberikan pelbagai pendedahan luar dan membuka mata kaum India terhadap implikasi pembangunan, ekonomi, sosial dan politik negara ke atas kaum India di Malaysia. Migrasi pekerja India dari luar bandar ke bandar telah menyediakan pelbagai peluang untuk golongan ini memahami kondisi hidup dan masalah sosioekonomi yang terpaksa dilalui di kawasan bandar (Appudurai dan David Dass, 2008). Selain itu, isu kemiskinan dan peminggiran kaum India dalam arus perdana pembangunan negara telah mendorong sebahagian besar kaum India untuk tidak berpuas hati dengan BN. Persepsi terhadap kegagalan kerajaan untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan kaum India selain kegagalan MIC menyuarakan ketidakpuasan kaum India dan menyelesaikan masalah tersebut turut mendorong kaum India untuk menyokong PR. PR dilihat sebagai parti yang mempunyai suara yang lantang dalam perjuangan menuntut keadilan kaum merentasi ras dan etnik. Pada masa yang sama, melalui hubungan persaudaraan dan persahabatan, kaum India di bandar juga bertindak sebagai medium penyebaran maklumat dan kesedaran politik kepada golongan yang menetap di luar bandar. Peningkatan tahap kesedaran politik kaum India di luar bandar turut mempengaruhi pola pengundian kaum India dan mengurangkan sokongan kepada BN.

Selain penentuan undi oleh lokasi sosial kaum India, aliran pengundian kaum India juga dipengaruhi oleh peningkatan pengundi baharu. Pada PRU13, sebanyak 2.9 juta pengundi baharu daripada 13.3 juta pengundi berdaftar yang merentasi ras dan etnik di negara ini (*Utusan Online*, 2013) di mana hampir 40% pengundi baharu adalah berusia antara 21–39 tahun (Barisan Nasional, 2012). Golongan ini merupakan golongan yang lahir dan membesar dalam era perkembangan sains dan teknologi yang pesat dan mahir dengan media sosial seperti Twitter, Facebook dan blog (*Utusan Online*, 2013). Pengundi baharu ini merupakan golongan yang mempunyai penguasaan yang tinggi dalam aspek berkaitan teknologi dan telekomunikasi. Golongan ini juga merupakan pengundi yang bertindak sebagai golongan atas pagar yang memutuskan undi mereka pada saat akhir pilihan raya. Kemenangan calon yang bertanding bagi satu-satu kerusi tidak kira kerusi Parlimen mahupun kerusi Dewan Undangan Negeri dalam PRU13 sememangnya ditentukan oleh pengundi baharu ini. Golongan ini juga mempunyai kuasa membuat keputusan berdasarkan cetusan idea dan pandangan rakyat terhadap kerajaan dan pembangkang yang tersebar luas melalui media elektronik khususnya Internet. Justeru pengundi India dalam kategori pengundi baharu ini telah menjadi keutamaan bagi kedua-dua parti iaitu BN dan PR.

Selain perbezaan lokasi sosial dan peningkatan pengundi baharu, trend mengundi dalam kalangan pengundi India juga mempunyai pergantungan yang tinggi kepada stratifikasi kelas pengundi. Secara umumnya dapat dikatakan bahawa kebanyakan pengundi India daripada kelas bawahan (kelas pekerja) telah

memberi sokongan kepada BN. Namun, sokongan pengundi India daripada kelas menengah dan kelas atasan lebih berpihak kepada PR. Hal ini adalah selaras dengan pandangan Denison Jayasooria (*Utusankini.com*, 2012). Perkara ini perlu dilihat daripada dua perspektif. Pertama, ramai dalam kalangan pengundi India terutamanya di kawasan luar bandar terdiri daripada golongan kelas pekerja. Sokongan masyarakat India sudah kembali jika dilihat pada prestasi menyeluruh BN pada PRU13 ini. Begitu juga dengan sesetengah pengundi India daripada kelas pekerja di bandar yang menghargai bantuan yang diterima daripada kerajaan. Kedua, pengundi India di bandar terutamanya daripada golongan kelas menengah dan kelas atasan lazimnya menyokong parti pembangkang. Situasi ini tidak banyak berubah jika dibandingkan dengan PRU12 pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, bagi segelintir pengundi India daripada kelas menengah dan kelas atasan yang mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap kredibiliti MIC dan BN, kesetiaan pada BN tetap kukuh.

FAKTOR TARIKAN SOKONGAN PENGUNDI INDIA KEPADA BN DALAM PRU13

Terdapat pelbagai faktor yang telah mempengaruhi sokongan pengundi India kepada BN pada PRU13 ini. Antaranya:

1. Bantuan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan kepada rakyat meningkatkan keyakinan terhadap kerajaan BN. Agenda Transformasi Nasional merupakan salah satu faktor utama yang meningkatkan sokongan undi kaum India kepada BN. Melalui agenda Transformasi Nasional, kerajaan menyediakan pelbagai bantuan dan perkhidmatan yang baik kepada rakyat di bawah produk "1Malaysia" seperti "Klinik 1Malaysia" dan "Kedai Rakyat 1Malaysia". Misalnya, "Klinik 1Malaysia" membolehkan rakyat mendapat rawatan yang berkualiti dengan nilai bayaran yang terendah. Bagi mengurangkan beban tanggungan keluarga, bantuan persekolahan RM100.00 bagi setiap anak dalam keluarga dan bantuan "Baucer Buku 1Malaysia" sebanyak RM250.00 dan "Bantuan Rakyat 1Malaysia" sebanyak RM500 bagi keluarga yang mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM3,000.00 turut dilaksanakan (Performance Management and Delivery Unit [PEMANDU], 2013a; 2013b).

Kemakmuran negara yang berterusan dan ketiadaan krisis ekonomi yang serius merupakan salah satu penentu kepada rakyat untuk terus menyokong kerajaan yang memerintah bagi memastikan masa depan yang lebih baik (Sivamurugan, 2009). Dalam hal ini, faktor ekonomi merupakan salah satu faktor

utama yang menentukan sokongan pengundi India kepada BN. Program Transformasi Nasional dan bantuan-bantuan yang diterima hasil daripadanya telah mula mengembalikan kepercayaan kaum India yang hilang sewaktu PRU12 terhadap kredibiliti BN dalam membantu kaum India. Menyingkap PRU12, MIC yang merupakan parti komponen BN hanya memenangi tiga daripada sembilan kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Hal ini menyebabkan BN terpaksa melipatgandakan usaha untuk meningkatkan bilangan kerusi Parlimen pada PRU13 ini. Jika dibandingkan dengan keputusan pilihan raya tahun 2008, MIC mendapat sokongan yang lebih baik daripada kaum India dalam pilihan raya kali ini berbanding PRU12.

Kemenangan calon-calon MIC (walaupun tidak menunjukkan peningkatan yang tinggi dari segi bilangannya) menyuarakan penerimaan kaum India terhadap usaha MIC dan BN dalam membantu kaum India (*The Malaysian Insider*, 2012). Kesimpulan yang dibuat oleh *The Malaysian Insider* ada benarnya jika dilihat pada komunikasi langsung Perdana Menteri, Najib Razak dengan komuniti India. Kempen-kempen pilihan raya yang giat dilakukan oleh BN dan sikap turun padang oleh Najib Razak mempengaruhi pengundi India. Penyebaran maklumat tentang agenda Transformasi Nasional secara besar-besaran juga telah mempengaruhi pemikiran pengundi India. Peningkatan sokongan pengundi India kepada MIC turut dipersetujui oleh Sivamurugan Pandian (*pers. comm.*, 28 Ogos 2013). Beliau menyifatkan sokongan kaum India pada PRU12 di bawah 10% berbanding pilihan raya sebelumnya. Beliau turut menegaskan bahawa pada PRU13 sokongan pengundi India dikatakan mencecah hampir 43%. Komunikasi langsung Najib Razak dengan komuniti India dilihat sebagai salah satu faktor utama peningkatan sokongan tersebut.

2. Peranan media massa khususnya surat khabar dan stesen penyiaran radio dan televisyen telah mendorong penghebahan dan penyiaran maklumat yang melengkap agenda perjuangan dan perspektif pandangan BN. Media dijadikan salah satu medium utama untuk menyalurkan pelbagai maklumat tentang usaha Najib Razak memberi penekanan terhadap perkara-perkara berhubung kaum India seperti pembiayaan kepada kuil, pendidikan tinggi pelajar dan sekolah-sekolah Tamil (*Utusankini.com*, 2012). Dalam tempoh berkempen, pelbagai maklumat tentang bantuan BN kepada komuniti India terpampang luas di dada akhbar. Antaranya adalah berita

mengenai bantuan yang disalurkan Najib Razak kepada lebih 1,500 kuil dan sumbangan RM5 juta kepada kuil-kuil di seluruh Malaysia (*Makkal Osai*, 2013a). Begitu juga dengan bantuan-bantuan untuk mendorong penglibatan kaum India dalam perniagaan di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional bagi meningkatkan taraf hidup kaum India (*Makkal Osai*, 2013b). Pendedahan kaum India terhadap paparan berita tentang Pinjaman perniagaan TEKUN yang disalurkan melalui Skim Pembangunan Usahawan Muda India (SPUMI) turut mempengaruhi pola pengundian pengundi India. Ia merupakan skim pembiayaan mikro yang bertujuan memberi kemudahan pembiayaan kepada belia India yang berumur 18 hingga 45 tahun untuk menjalankan perniagaan (*Utusan Online*, 2010).

Selain itu, kempen Mydaftar oleh kerajaan telah menekankan usaha menyelesaikan masalah dokumentasi kaum India (*The Malaysian Insider*, 2013a). Kerajaan mula memberi perhatian kepada isu pemberian sijil kelahiran dan kad pengenalan baru kepada kaum India yang masih tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan termasuk bagi yang memiliki kad pengenalan merah. Media massa terutamanya akhbar-akhbar tempatan dalam bahasa Tamil telah memberi liputan luas tentang usaha kerajaan menyelesaikan masalah dokumentasi kaum India melalui kepimpinan MIC. Liputan media memuatkan segala bantuan MIC kepada kaum India dalam mendapatkan sijil kelahiran dan kad pengenalan bagi golongan yang dilahirkan di Malaysia tetapi masih tidak memiliki sijil kelahiran dan kad pengenalan. Media juga memberi liputan terhadap pemegang kad pengenalan merah yang dikategorikan sebagai pemastautin tetap yang berjaya mendapat taraf kewarganegaraan melalui usaha ini. Oleh itu, media massa telah dijadikan salah satu platform utama untuk menyemaikan nilai keyakinan kaum India terhadap BN. Usaha kerajaan dan peranan MIC membantu kaum India dalam hal berkaitan dokumentasi ini diterima baik dan dihargai oleh kaum India.

3. Manifesto BN pada PRU13 menjanjikan transformasi dalam pelbagai aspek seperti pembangunan ekonomi, peningkatan taraf hidup rakyat, pembangunan bandar dan luar bandar, perumahan, kesihatan, pengangkutan, infrastruktur, pendidikan dan keselamatan. Dalam usaha untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan, kerajaan telah menjanjikan peruntukan khas kepada semua jenis sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Kerajaan juga berjanji untuk membina lebih banyak

sekolah meliputi semua jenis sekolah termasuk SJK(T) pada lokasi yang mempunyai permintaan yang tinggi dan bersedia mengubah status SJK(T) kepada sekolah bantuan penuh kerajaan bagi SJK(T) yang ingin berbuat demikian. Kerajaan juga memberi jaminan untuk memperluas pendidikan pra-sekolah meliputi semua jenis sekolah. Kerajaan berjanji untuk memperkenalkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang mudah bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia bagi SJK(T). Tambahan lagi, janji kerajaan untuk menyediakan biasiswa berdasarkan merit dengan peruntukan khas untuk komuniti yang kurang bernasib baik diharap dapat membantu pengajian tinggi dalam kalangan pelajar India. Bagi tempoh 2012–2013, kerajaan telah memperuntukkan RM2 billion untuk menaik taraf dan membaiki semua jenis sekolah termasuk SJK(T) (Manifesto Barisan Nasional PRU ke-13, 2013). Hasrat kerajaan untuk memperbaiki kondisi SJK(T) dan usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan pelajar India di SJK(T) di samping jaminan terhadap bantuan biasiswa untuk pengajian tinggi telah meningkatkan kepercayaan kaum India terhadap BN.

4. Perpecahan dalam kalangan pemimpin-pemimpin HINDRAF telah membawa perpecahan dalam kalangan penyokongnya. Perpecahan ini telah mengurangkan keyakinan kaum India terhadap perjuangan HINDRAF dalam membela nasib kaum India di Malaysia yang semakin ketinggalan dalam ekonomi. Pada masa yang sama, pelbagai bantuan yang diterima oleh kaum India daripada kerajaan mula mengembalikan kepercayaan kaum India terhadap BN. Dalam sebuah akhbar tempatan, S. Subramaniam menyatakan bahawa pada PRU12, ramai orang India telah menyokong perjuangan HINDRAF dan ia mendorong mereka berpihak kepada pembangkang. Menurut beliau lagi, sokongan rakyat India terhadap BN kali ini meningkat kepada 60% dan salah satu puncanya adalah kerana usaha kerajaan yang telah membantu meningkatkan taraf hidup kaum India di Malaysia (*Makkal Osai*, 2013e).
5. Gelombang kebangkitan rakyat dalam ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh PR sewaktu kempen PRU13 telah meningkatkan kepercayaan PR semakin menghampiri kejayaan. Pada masa yang sama, PR juga telah menghadapi kesukaran untuk membuat keputusan tentang penamaan calon dan tempat bertanding. Pertukaran calon yang bertanding dan perubahan parti yang bertanding bagi satu-satu kerusi pada waktu terakhir memberi kesan kepada PR. Misalnya, kelewatan dalam perletakan M. Manogaran (DAP) di Cameron Highlands dan Chua Jui Meng

- (PKR) di Segamat membentuk kekeliruan dalam kalangan pengundi terhadap calon yang perlu dipilih berdasarkan kredibiliti untuk membantu rakyat. Faktor ini telah memberi lebih banyak keuntungan kepada BN (*Thina Kural, 2013e*).
6. Selain itu, saranan PAS untuk mengamalkan hukum hudud jika PR memenangi PRU13 memberi implikasi kepada pola pengundian kaum India (*Thina Kural, 2013b*). Sejak era Mahathir Mohamad lagi, saranan ini telah menjadi agenda media yang berterusan yang menyatakan bahawa golongan bukan Melayu akan kehilangan hak mereka sekiranya PAS mengambil alih tampuk pemerintahan lalu membentuk negara Islam (*Sivamurugan, 2009*). Saranan PAS ini juga salah satu faktor yang telah mengubah trend mengundi pengundi India kepada BN pada PRU13 ini.

Dalam satu kenyataan akhbar, sarjana Sarjit Singh menyatakan bahawa kaum India menghargai pengiktirafan kerajaan terhadap mereka berdasarkan pelbagai usaha yang dilakukan untuk membantu golongan ini (*The Malaysian Insider, 2013a*). Walaupun kenyataan Sarjit tidak dapat disangkal namun ramai juga beranggapan bahawa usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk membantu kaum India adalah implikasi daripada kegagalan MIC dan BN untuk meraih sokongan kaum India berpunca daripada kekalahan teruk BN di beberapa buah negeri pada PRU12. Dalam hal ini, BN memerlukan mekanisme yang lebih baik dan perancangan yang lebih teliti jika ingin membawa balik kaum India sebagai deposit tetap BN. Justeru MIC perlu melipatgandakan usaha untuk memastikan kepercayaan kaum India yang hilang keyakinan pada MIC sejak tsunami politik PRU12 dapat dikembalikan sepenuhnya.

FAKTOR TOLAKAN SOKONGAN PENGUNDI INDIA KEPADA PR DALAM PRU13

Sokongan pengundi India kepada PR pula mencerminkan ketidakpuasan terhadap kerajaan BN. Dalam PRU13, terdapat pelbagai faktor yang mendorong sebahagian besar pengundi India menolak kerajaan BN. Antaranya adalah:

1. Dasar Ekonomi Baru bertindak sebagai serampang dua mata bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan melalui kenaikan taraf pendapatan dan memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum. Ia juga bertujuan untuk menyusun semula masyarakat bagi memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi untuk menghapuskan pengenalan kaum (*Unit Perancangan Ekonomi, 2013*). Pelbagai program pembangunan

luar bandar dan pertanian dilaksanakan dan agensi-agensi pembangunan kerajaan seperti Federal Land Development Authority (FELDA), Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA), Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Kedah Regional Development Authority (KEDA), Penang Regional Development Authority (PERDA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) ditubuhkan untuk mengimplementasikan program bagi membantu komuniti Melayu (Waytha, 2011). Namun, kekurangan perhatian dalam sektor perladangan dan pekerja India menyebabkan kaum India terus terpinggir (Partiban, Salfarina dan Sivamurugan, 2011).

Menelusuri sejarah pembangunan ekonomi negara, pelbagai dasar seperti Dasar Ekonomi Baru (1971–1990), diikuti dengan Dasar Pembangunan Nasional (1991–2000), Dasar Wawasan Negara (2001–2010) dan Misi Nasional (2006–2020) digubal bertujuan membasmi kemiskinan, membaiki pengagihan pendapatan, menyediakan peluang pekerjaan dan menjamin pemilikan ekuiti untuk kepentingan semua kaum. Namun, dasar-dasar sebegini telah memberi perhatian yang lebih kepada kedudukan golongan bumiputera (Appudurai dan David Dass, 2008). Situasi ini telah meningkatkan penglibatan kaum Melayu dalam sektor awam manakala sektor swasta pula kuat didominasi oleh kaum Cina (Partiban, Salfarina dan Sivamurugan, 2011). Peningkatan taraf hidup dari segi penyerapan dalam perkhidmatan awam, kuota kemasukan dan biasiswa pendidikan, kontrak kerajaan dan pelbagai peluang lebih berpaksikan kaum Melayu. Implikasinya telah mengurangkan peluang pekerjaan, pendidikan, perniagaan dan pelbagai kemudahan bagi kaum India yang menyebabkan golongan ini berhadapan dengan masalah pengangguran, taraf pendidikan yang rendah dan tidak dapat bersaing dalam sektor awam mahupun swasta (Selvakumaran, 1994). Dominasi kaum Melayu dalam sektor awam dan kaum Cina dalam sektor swasta mengakibatkan kekurangan peluang pekerjaan bagi kaum India dalam kedua-dua sektor ini; menyebabkan kaum ini terus terpinggir dan menjadi mangsa kemiskinan bandar (Partiban, Salfarina dan Sivamurugan, 2011).

Walaupun penekanan kepada soal membantu golongan bumiputera ini dapat dikaitkan dengan kedudukan istimewa orang Melayu namun beberapa perkara dalam *Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957* perlu juga diteliti (Krisis & Praxis, n.d.). Dalam menjelaskan kedudukan istimewa orang Melayu, laporan tersebut menekankan hak, keistimewaan dan peluang yang sama dalam pembangunan negara dan pengagihan kekayaan negara bagi meningkatkan taraf hidup rakyat merentasi ras dan etnik. Walau bagaimanapun, memandangkan kaum Melayu dari dahulu lagi telah diberikan kedudukan istimewa oleh pemerintah Melayu terutamanya dalam hal berkaitan tanah rezab, kuota kemasukan dalam perkhidmatan awam, permit atau lesen perniagaan dan biasiswa dan bantuan pendidikan maka golongan ini dikhuatiri akan berhadapan dengan pelbagai masalah dan akan ketinggalan jika keistimewaan ini digugurkan. Laporan tersebut juga mencadangkan agar kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan hingga suatu tempoh tertentu sehingga dapat dikurangkan atau ditamatkan agar tidak timbul diskriminasi antara kaum atau komuniti. Walau bagaimanapun, prinsip asas tentang kedudukan istimewa orang Melayu terus tenggelam dalam kepimpinan Melayu (Vasil, 1980).

Maka, Dasar Ekonomi Baru yang digubal bertujuan untuk mengatasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi untuk menghapuskan pengenalan kaum telah menampakkan sikap *bias* pro-Melayu dalam perancangan polisi dan implementasi dasar kerajaan (Means, 1991; Selvakumaran, 1994). Begitu juga halnya dengan dasar-dasar lain yang digubal. Dalam hal ini, kegagalan kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup kaum India dan peminggiran kaum India jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain memberikan implikasi yang serius terhadap kaum India di Malaysia. Justeru persoalan yang timbul adalah apakah status sebenar kaum India di Malaysia yang telah berkorban dan menyumbang kepada pembangunan negara ini dari zaman penjajah lagi (Appudurai dan David Dass, 2008).

2. Kebangkitan HINDRAF pada tahun 2007 dilihat sebagai suatu perjuangan untuk membela nasib kaum India dan memberi keyakinan yang tinggi kepada kaum India. Perjuangan HINDRAF juga dilihat sebagai suatu perjuangan yang tidak pernah dilakukan oleh MIC, PPP mahupun Indian Progressive Front (IPF) (*Thina Kural*, 2013c). Walaupun MIC bertanggungjawab untuk bersuara bagi pihak kaum India dan

berada di bawah payung BN, namun ia seakan-akan tidak berkuasa dalam memperjuangkan nasib kaum India (Chin dan Wong, 2009). Perjuangan HINDRAF telah melumpuhkan peranan dan kredibiliti MIC dalam PRU12. Malah kekalahan bekas Presiden MIC, S. Samy Vellu di Sungai Siput pada PRU12 juga berkait rapat dengan penentangan ekstrim kaum India terhadap beliau kerana mengecam perjuangan HINDRAF.

HINDRAF bangkit dan memperjuangkan pelbagai isu yang memperlihatkan peminggiran kaum India dalam arus perdana pembangunan negara berbanding kaum lain. Hal ini berpunca daripada ketidakpuasan terhadap kerajaan yang dirasakan gagal memberi perhatian kepada kaum India yang telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi dari zaman penjajah lagi. Justeru HINDRAF mengetengahkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh kaum India iaitu kemiskinan, kekurangan peluang kerja, kekurangan peluang pendidikan tinggi, kekurangan peluang perniagaan, ketiadaan sijil kelahiran dan kad pengenalan, kematian suspek dalam tahanan polis, perobohan kuil dan bantuan kepada sekolah Tamil; yang dirasakannya memerlukan penyelesaian segera daripada kerajaan (Waytha, 2011). HINDRAF pada asasnya telah menyedarkan kaum India tentang kedudukan sosioekonomi mereka dan peminggiran mereka dalam arus perdana pembangunan negara.

Pada tahun 2007, kemuncak perjuangan HINDRAF dalam membela nasib kaum India dan layanan yang diterima oleh mereka daripada kerajaan telah meninggalkan kesan yang tidak terhingga pada kaum India. Malah, kesan tersebut masih wujud hingga ke hari ini. Hal ini termasuk insiden yang berlaku di Kuala Lumpur pada tahun 2007 iaitu penggunaan gas pemedih mata dan pancutan air kimia ke arah beribu-ribu penyokong HINDRAF yang membawa gambar Gandhi dan petisyen yang dialamatkan kepada Ratu England untuk disampaikan kepada British High Commission (Chin dan Wong, 2009). Penahanan pemimpin-pemimpin HINDRAF mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) memperlihatkan kemarahan kaum India yang cukup tinggi kepada kerajaan. Sentimen ini masih kuat bertapak di hati kaum India dan menjadi penghalang kepada sokongan undi kaum India kepada kerajaan BN; termasuk pilihan raya kali ini.

3. Kekurangan perwakilan yang dapat mewakili kaum India dalam kerajaan misalnya dalam perkhidmatan awam dan perkhidmatan keselamatan memberi implikasi yang tinggi kepada kaum India

(Appudurai dan David Dass, 2008). Tanpa perwakilan yang lebih banyak daripada kaum India, masalah-masalah yang timbul berkaitan kaum India sukar untuk digarap, dianalisis, diinterpretasi dan diselesaikan. Perkara ini menimbulkan ketidakpuasan kaum India dari dahulu lagi dan dipercayai belum mempunyai penyelesaian yang sewajarnya daripada kerajaan. Salah satu daripada isu tersebut adalah peningkatan kematian suspek India dalam tahanan polis. Ketiadaan laporan dan penyiasatan yang terperinci terhadap kes-kes ini dan penjelasan yang memuaskan daripada pihak berkuasa mencetuskan rasa tidak puas hati kaum India terhadap pihak berkuasa (Waytha, 2011). Kes kematian Kugan dalam tahanan polis misalnya, telah mendapat liputan media yang luas suatu ketika dahulu dan mencetuskan rasa tidak puas hati kaum India terhadap pihak berkuasa. Malah, kejadian sebegini masih berterusan hingga kini. Selain itu, isu perobohan kuil Hindu yang berleluasa oleh pihak berkuasa turut meningkatkan rasa tidak puas hati kaum India (Waytha, 2011). Tumpuan kerajaan terhadap agama Islam menyebabkan penganut agama lain menjadi semakin khuatir terhadap anutan agama dan masa hadapan agama mereka (Chandra, 1990) dan pada masa yang sama isu-isu perobohan kuil dan larangan terhadap perkara-perkara tertentu berkaitan agama menimbulkan tanda tanya terhadap makna kebebasan beragama yang termaktub dalam perlembagaan. Tambahan lagi, peningkatan terhadap kes bunuh diri dalam kalangan kaum India yang berpunca daripada taraf sosioekonomi yang rendah masih tidak menemui jalan penyelesaian (Waytha, 2011). Menurut Appudurai dan David Dass (2008), terdapat sebanyak 21.1 kes bunuh diri daripada 100,000 orang India setiap tahun berbanding 8.6 kes bagi kaum Cina dan 2.6 kes bagi kaum Melayu.

Hal ini ditambah pula dengan peningkatan kadar jenayah juvenil dalam kalangan kaum India yang berpunca daripada keruntuhan sistem nilai, faktor ekonomi dan kombinasi pelbagai faktor lain (Appudurai dan David Dass, 2008) yang masih tidak menemui jalan penyelesaian. Di samping itu, kekurangan peluang pendidikan tinggi yang diberikan oleh kerajaan kepada pelajar-pelajar India jika dibandingkan dengan bilangan pengambilan pelajar bumiputera bagi pendidikan tinggi di dalam dan di luar negara terus dipersoal (Waytha, 2011). Perkara-perkara ini juga pernah menjadi intipati perjuangan HINDRAF dan masih menjadi tajuk perbualan setiap kali timbul isu-isu berkaitan dengannya. Kuota etnik untuk pendidikan tinggi yang memberi kepentingan kepada bumiputera adalah sebahagian

daripada dasar dan program yang digerakkan untuk pembangunan bumiputera. Sehubungan itu, golongan bumiputera mendapat pelbagai keuntungan daripada "kedudukan istimewa" mereka terutamanya dalam pekerjaan, kontrak kerajaan, pinjaman, pembelian rumah dan perniagaan (Chandra, 1990; Means, 1991). Maka, peminggiran dan pengabaian dirasakan terhadap kaum India berpunca daripada kekurangan perwakilan yang dapat bersuara bagi pihak kaum India dalam kerajaan.

4. Perjuangan HINDRAF semakin hilang pengaruhnya menjelang PRU13. Ketiadaan persefahaman dan perpecahan dalam kalangan kepimpinan HINDRAF telah membawa perpecahan dalam kalangan penyokongnya. Pengerusi HINDRAF, Waytha Moorthy juga telah mengadakan perbincangan dengan kerajaan BN mengenai *blueprint* HINDRAF bertujuan untuk membawa keluar kaum India daripada kemiskinan ke arah arus perdana pembangunan negara. Walau bagaimanapun, tindakan Waytha Moorthy yang bekerjasama dengan BN dan seterusnya menandatangani perjanjian memorandum persefahaman (MoU) antara HINDRAF dan kerajaan BN (*The Star Online*, 2013; *The Malaysian Insider*, 2013b) telah mendapat kecaman daripada kaum India (Thina Kural, 2013b). Tujuan sebenar Waytha Moorthy berpihak kepada BN yang pernah mengecam perjuangan HINDRAF dalam membela nasib kaum India dan mendakwa HINDRAF mempunyai hubungan dengan Liberation Tigers for Tamil Eelam (LTTE) di Sri Lanka (*Utusan Online*, 2011; *Thina Kural*, 2013a) dikhuatiri dan dipersoalkan oleh kaum India. Sesetengah pihak turut mengandaikan bahawa Waytha Moorthy mempunyai kepentingan sendiri dalam kerjasamanya dengan BN. Tindakan Waytha Moorthy telah membangkitkan keraguan dalam kalangan kaum India dan situasi ini menjejaskan lagi sokongan dan kepercayaan kaum India terhadap perjuangan HINDRAF yang sebenar (*Thina Kural*, 2013c). Waytha Moorthy juga dianggap telah "dibeli" oleh BN untuk mengembalikan undi kaum India kepada deposit tetap BN. Malah, penentangan terhadap Waytha Moorthy di Gelang Patah, Johor (*Thina Kural*, 2013d; *Malaysian Nanban*, 2013a) dan wakil-wakil HINDRAF di Teluk Intan, Perak (*Malaysian Nanban*, 2013c) dalam perhimpunan sewaktu kempen pilihan raya turut memaparkan rasa tidak puas hati terhadap Waytha Moorthy.
5. Kaedah tradisional yang digunakan oleh MIC dalam kempen PRU13 turut mempengaruhi aliran pengundian kaum India. Walaupun terdapat sedikit perubahan dalam sokongan kaum

India terhadap MIC jika dibandingkan dengan PRU12, namun MIC masih gagal mengembalikan kepercayaan penuh masyarakat India yang hilang selepas PRU12. Sewaktu kempen PRU13, pelbagai janji dikemukakan oleh MIC terutamanya mengenai cadangan pembinaan sekolah Tamil baharu selain menaik taraf dan membina sekolah Tamil yang sedia ada (*Malaysia Nanban*, 2013b). Janji tersebut merupakan suatu usaha murni yang sememangnya diharapkan oleh kaum India namun janji-janji ini kurang memberi keyakinan kepada sesetengah kaum India kerana golongan ini berpendapat bahawa perkara yang sama dikemukakan setiap kali dalam kempen pilihan raya. Golongan ini berpendapat bahawa cadangan ini sepatutnya direalisasikan dari dahulu lagi dan tidak perlu ditimbulkan sewaktu kempen pilihan raya. Golongan ini juga berpendapat bahawa janji ini semata-mata ditabur untuk mendapatkan undi sokongan bagi kemenangan MIC pada pilihan raya kali ini. Selain itu, walaupun bantuan kerajaan BN kepada kuil dan sekolah Tamil meningkat sewaktu kempen pilihan raya namun soal peluang pendidikan tinggi, peluang pekerjaan dan penyerapan kaum India dalam jawatan-jawatan kerajaan masih tidak terjawab.

6. Isu penghinaan agama Hindu oleh Zulkifli Noordin juga mencetuskan kontroversi dan merupakan salah satu faktor utama peralihan undi India kepada PR (*Thina Kural*, 2013h). Zulkifli Noordin bertanding bagi kerusi Parlimen di Shah Alam dan tewas kepada Khalid Abd Samad (PAS) dengan undi majoriti lebih daripada 10,939 undi (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013a). Penghinaan Zulkifli Noordin terhadap agama Hindu dan orang India yang tersebar luas melalui Internet bukan sahaja telah mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan kaum India kepadanya tetapi tindakannya itu turut menjejaskan undi kaum India kepada BN. Kekalahan Zulkifli Noordin jelas menunjukkan penentangan ekstrim pengundi India terhadapnya. Penghinaan Zulkifli Noordin terhadap agama Hindu dan orang India merupakan antara punca utama kehilangan sokongan pengundi India kepada BN.
7. Perhimpunan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) telah mendapat perhatian yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. Sokongan rakyat terhadap perhimpunan BERSIH mencerminkan sokongan kepada Ambiga Sreenevasan, Pengerusi BERSIH yang memperjuangkan pilihan raya yang bersih dan adil. Penglibatan Ambiga Sreenevasan dalam penganjuran perhimpunan BERSIH secara aman turut

meningkatkan kesedaran rakyat terhadap pilihan raya yang bersih, adil dan *transparent* tanpa penyalahgunaan kuasa dan politik kotor. Saranan beliau kepada rakyat iaitu agar mengundi secara rasional dan berhemah dengan membandingkan sumbangan BN dan PR selama lima tahun ini tanpa dipengaruhi oleh mana-mana parti politik (*Makkal Osai*, 2013c) meningkatkan keyakinan rakyat termasuk kaum India terhadap perjuangan BERSIH. Ambiga Sreenevasan juga berjaya meyakinkan penjawat awam agar tidak terpengaruh oleh khabar angin yang tersebar bahawa jawatan mereka akan dilucutkan jika penjawat awam mengundi pembangkang (*Malaysian Nanban*, 2013d). Pada masa yang sama, tentangan daripada kerajaan dan pelbagai kecaman yang berterusan terhadap usaha Ambiga Sreenevasan memperjuangkan pilihan raya yang bersih, adil dan *transparent* meningkatkan ketidakpuasan terhadap kerajaan lalu mendorong peralihan undi kepada PR.

8. Memang tidak dapat dinafikan bahawa media massa seperti surat khabar dan stesen penyiaran radio dan televisyen dimiliki atau dikawal oleh kerajaan. Media massa membolehkan penghebahan dan penyebaran maklumat lebih terarah kepada perspektif BN dalam usaha berkempen tanpa peluang kepada pembangkang untuk berhujah (Zainal Abidin, 2012; Chandra, 1990). Begitu juga dengan stesen radio dan televisyen swasta yang turut digunakan oleh BN untuk memanjangkan kempen mereka (Zainal Abidin, 2012). Walau bagaimanapun, media sosial turut memainkan peranan yang lebih penting dalam PRU13 jika dibandingkan dengan PRU12 yang lalu. Jika media dalam talian (*online*) pada PRU12 telah banyak membincangkan isu-isu seperti korupsi, penyalahgunaan kuasa, pernyataan berbentuk rasis, soal diskriminasi etnik dan kontroversi agama (Chin dan Wong, 2009), kali ini selain kupasan isu yang dinyatakan tadi, media dalam talian juga telah menjadi medium penyampaian maklumat yang terperinci dan terkini berkaitan pilihan raya dan kempen-kempen yang diusahakan oleh PR. Media dalam talian menawarkan pelbagai laporan, maklumat dan peristiwa terkini tidak kira dalam bentuk tulisan, gambar mahupun video kepada pengguna jika dibandingkan dengan maklumat-maklumat yang ditapis oleh media arus perdana yang bersifat pro-kerajaan. Perkara ini turut mempengaruhi trend mengundi bagi pengundi India kepada PR. *Malaysiakini* umpamanya memberikan liputan yang lebih baik dan adil kepada PR berbanding media saluran utama yang bersifat pro-kerajaan (Azmyl, 2009). Begitu juga dengan peranan akhbar *Harakah* (PAS), *Suara Keadilan* (PKR)

dan *Roket* (DAP) walaupun terhad edarannya (Zainal Abidin, 2012) tetapi ia telah memberi implikasi yang tinggi kepada penyokong dari segi penyebaran maklumat mengenai parti tersebut dan kelemahan parti lawan.

9. Penyebaran pelbagai maklumat melalui Internet tentang warga asing yang memiliki kad pengenalan Malaysia dan dibenarkan mengundi di beberapa tempat pilihan raya turut mengejutkan para pengundi terutamanya pengundi India. Persoalan yang timbul adalah terdapat ramai rakyat berbangsa India yang dilahirkan di Malaysia berhadapan dengan masalah dokumentasi. Tidak kurang pula mereka yang dikategorikan sebagai pemastautin tetap dan masih memiliki kad pengenalan merah. Akan tetapi, didapati ramai warga asing yang telah memiliki kad pengenalan dan layak mengundi. Justeru pengundian oleh warga Bangladesh dan Indonesia menjadi tanda tanya tentang bagaimana dan mengapa wujudnya begitu ramai pengundi warga asing ini mengundi pada kali ini (*Thina Kural*, 2013g; 2013i). Hal ini turut meningkatkan ketidakpuasan rakyat terhadap BN. Senario ini juga dilihat sebagai strategi BN untuk menundukkan PR daripada menang dalam PRU13 ini. Pada masa yang sama, maklumat berbentuk gambar dan video yang dimuatnaik ke dalam Internet yang rata-rata meningkatkan rasa tidak puas hati dan membentuk persepsi negatif dalam kalangan rakyat terhadap ketidaktegasan pihak berkuasa menghalang warga asing daripada mengundi telah memburukkan keadaan. Sentimen ini mempengaruhi ramai pengundi merentasi ras dan etnik untuk mengundi PR dengan berpendapat bahawa pilihan raya kali ini penuh dengan pembohongan dan penipuan pihak BN. Walau bagaimanapun, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia dalam kenyataan media menyatakan bahawa semua perkara tersebut adalah tuduhan dan dakwaan yang tidak berasas dan tidak benar (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013b).
10. Kepercayaan dan keyakinan rakyat yang meningkat terhadap teraju pentadbiran negeri di bawah PR juga menentukan peralihan undi kaum India kepada PR. Peranan Lim Guan Eng di Pulau Pinang dan Khalid Ibrahim di Selangor dalam usaha memperbaiki jentera pentadbiran, mengurangkan masalah rasuah dan usaha mereka untuk meningkatkan ekonomi negeri tersebut sejak tahun 2008 berjaya menarik sokongan rakyat kepada PR dan begitu juga oleh pengundi India (*Thina Kural*, 2013e). Pentadbiran mereka juga diterima oleh rakyat secara umumnya memandangkan kerajaan negeri bagi kedua-dua negeri tersebut telah ditentukan sendiri oleh rakyat melalui proses pilihan raya

dengan berpandukan demokrasi. Bagi kaum India yang menyokong PR, soal siapa yang mentadbir negeri (sama ada DAP, PKR atau PAS) dilihat tidak menjadi masalah asalkan ia merupakan kerajaan yang cukup telus, adil dan dipandu oleh nilai moral yang tinggi serta bersih daripada elit berkuasa, ketamakan kuasa dan korupsi seperti yang dijanjikan oleh PR dalam manifestonya. Justeru PR merupakan satu-satunya alternatif kepada pengundi India yang tidak menyokong perjuangan BN.

KESIMPULAN

Walaupun kaum India merupakan etnik minoriti di negara ini namun golongan ini juga memberi kesan yang tinggi terhadap pembentukan kerajaan melalui proses pilihan raya. Sokongan kaum India amat penting bagi kerajaan BN untuk terus menerajui negara. Suatu kesilapan kecil oleh BN akan melibatkan peralihan undi yang besar daripada kaum India kepada pihak pembangkang. Sokongan kaum India amat penting dalam landskap politik negara dewasa ini yang memperlihatkan perpecahan sokongan orang Melayu antara BN dan PR. Sokongan kaum India juga penting memandangkan wujudnya peralihan sokongan yang tinggi dalam kalangan kaum Cina daripada BN kepada PR.

Sebagai parti komponen BN, MIC perlu memainkan peranan yang penting dalam membantu kaum India untuk meningkatkan taraf hidup serta mengembalikan kepercayaan kaum India yang semakin hilang terhadap kepimpinan MIC. MIC perlu lebih berani dalam menggarap, menganalisis dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kaum India di negara ini. Usaha ini amat perlu terutamanya dalam isu-isu yang melibatkan soal kemiskinan, sekolah Tamil, perniagaan, pendidikan tinggi, penyerapan kaum India dalam jawatan kerajaan, perobohan kuil, kematian suspek dalam tahanan polis dan isu agama. MIC juga perlu berani menyuarakan pendapat dan perlu menunjukkan integriti yang lebih tinggi dalam menyelesaikan masalah dan tuntutan kaum India. Hal ini penting dalam memastikan agar masalah yang dihadapi oleh MCA dan GERAKAN dalam PRU13 tidak dihadapi oleh MIC pada masa akan datang.

Seperkara yang perlu diteliti di sini adalah populariti BN yang didapati semakin menurun dengan kehilangan kerusi Parlimen yang berterusan pada PRU12 dan PRU13 jika dibandingkan dengan pilihan raya-pilihan raya sebelumnya. Begitu juga dengan undi popular yang meningkat kepada PR. Perubahan ini dikhuatiri akan memberi kesan kepada hala tuju BN jika konsep "Rakyat Didahulukan" dan "Janji Ditepati" yang dilaksanakan tidak mencapai harapan rakyat. Dalam konteks kaum India, tidak dapat dinafikan bahawa bantuan-bantuan yang diberikan kepada kaum India melalui Program Transformasi Nasional sedikit sebanyak mula mengembalikan kepercayaan kaum

India yang hilang terhadap BN sewaktu PRU12. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak mencukupi untuk mempengaruhi masyarakat India secara keseluruhan atau dalam skala yang lebih luas jika dilihat pada tahap peminggiran golongan ini berbanding kumpulan etnik Melayu dan Cina dalam sejarah pemerintahan negara oleh kerajaan BN lebih 50 tahun di negara ini. Justeru sama ada pengundi India akan terus kembali kepada deposit tetap BN seperti sedia kala atau terus beralih kepada PR pada masa hadapan adalah bergantung kepada usaha BN merealisasikan harapan dan keperluan golongan ini.

Sehubungan itu, manifesto BN telah memberi perhatian kepada agenda Transformasi Nasional yang memperlihatkan usaha kerajaan memacu pembangunan negara demi meningkatkan taraf hidup rakyat merentasi ras dan etnik. Namun, kejayaan sepenuhnya program ini dalam meningkatkan taraf hidup rakyat Malaysia hanya dapat diketahui hasilnya di akhir tempoh implementasinya. Justeru kerajaan harus memastikan agar agenda Transformasi Nasional yang merangkumi empat program utama iaitu Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Sosial dapat membolehkan setiap komuniti mendapat faedah yang adil dan maksimum daripada kekayaan negara. Usaha ini perlu direalisasikan secara telus dan *transparent* jika negara ini ingin terus dipimpin oleh BN.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Rahman. 2013. *Electoral reforms: Fact and fallacies*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Appudurai, J. and G. A. David Dass. 2008. *Malaysian Indians: Looking forward*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Azmyl Md Yusof. 2009. Election and ethnicity: A comparative analysis of local language dailies and the prevalence of ethnic-based discourses during the 2008 Malaysian General Election. *The Journal of South East Asia Research Centre for Communications and Humanities* 1(1): 59–77.
- Barisan Nasional. 2012. Generation "Y" may decide the outcome of 13th GE. 9 June. <http://bn.barisannasional.org.my/en/news/%E2%80%98generation-y%E2%80%99-voters-may-decide-the-outcome-of-13th-ge/> (accessed 14 May 2013).
- Chandra Muzaffar. 1990. *Challenges and choices in Malaysian politics and society*. Pulau Pinang: Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN).
- Chin, J. and C. H. Wong. 2009. Malaysia's electoral upheaval. *Journal of Democracy* 20(3): 71–85.

- Krisis & Praxis. n.d. Report of the Federation of Malaya Constitutional Commission 1957 (London: Her Majesty's stationary Office), Colonial No. 330. <http://www.krisispraxis.com/Constitutional%20Commission%201957.pdf> (accessed 7 June 2013).
- Jain, R. 2009. *Indian transmigrants: Malaysian and comparative essays*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Jomo, K. S. 1989. *Sucked oranges: The Indian poor in Malaysia*. Kuala Lumpur: Insan.
- Makkal Osai. 2013a. Hindu alaiyangalukku maaniyangal (Bantuan kewangan kepada kuil-kuil Hindu). 31 March.
- _____. 2013b. Athikharikenrane TEKUN-Sid moolam uthavigal (Meningkatnya bantuan menerusi TEKUN-Sid). 31 March.
- _____. 2013c. Yaarukum anjaamal vaakaliyungal: Makkaleke Ambiga Vheendukhol (Jangan takut sesiapa untuk mengundi: Permintaan Ambiga kepada rakyat). 11 April.
- _____. 2013d. Utusan sonnol tavaru; seena pathirikai sonnol sariya? nagarpuram-gramapuram yenru vaakalargal piriyavillai (Utusan kata, salah; akhbar Cina kata, benar? Tiada pemisahan pengundi antara bandar dan luar bandar). 8 May.
- _____. 2013e. 60 vizhukaade indiargal thesiya munnanike atharavu vazhanginaar (60 peratus orang India telah menyokong Barisan Nasional). 9 May.
- Malaysia Nanban. 2013a. Waytha Moorthy kootathil kalasalapu (Kacau-bilau dalam perhimpunan Waytha Moorthy). 4 May.
- _____. 2013b. Nambikaiyodu thesiya munnanike vaakaliyungal (Undi Barisan Nasional dengan yakin). 4 May.
- _____. 2013c. HINDRAF adharavaalargal taakepattane (Penyokong HINDRAF diserang). 4 May.
- _____. 2013d. Yethirkachigaluku vaakalitaal velai paripoividuma? Payapadathirgal (Hilang kerja jika mengundi pembangkang? Jangan takut). 4 May.
- Manifesto Barisan Nasional PRU ke-13. 2013. 1Malaysia: Menepati janji membawa harapan.
- Manifesto Pakatan Rakyat PRU ke-13. 2013. Manifesto rakyat: Pakatan harapan rakyat.
- Means, G. 1991. *Malaysian politics: The second generation*. Singapore: Oxford University Press.
- Navamukundan. 1993. Structural changes and policy options for the Malaysian plantation industry. Report of National Workshop organised by International Labour Organization in collaboration with NUPW, 27–30 October 1993. Kuala Lumpur: National Union of Plantation Workers.

- NDTV*. 2013. Political parties in Malaysia ups the ante to get Indian votes. 28 April. <http://www.ndtv.com/article/south/political-parties-in-malaysia-ups-the-ante-to-get-indian-votes-359972/> (accessed 14 May 2013).
- Partiban, S. G., Salfarina Abdul Gapor and Sivamurugan Pandian. 2011. Indian urban poverty in Malaysia...A new phenomenon? The pre and post Malaysian independence perspective. *Asia Pacific Journal of Social Sciences* III(1): 32–48.
- Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU). 2013a. *National Transformation Programme: Progress Report 2009–2012 (booklet)*. Putrajaya: Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU), Prime Minister's Department.
- _____. 2013b. Government Transformation Programme Annual Report 2012. Putrajaya: Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU), Prime Minister's Department. http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Eng_GTP2012_AR_Full.pdf/ (accessed 6 January 2014).
- Selvakumaran, R. 1994. *Indian plantation labour in Malaysia*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Sivamurugan Pandian. 2009. 2004 Malaysian general elections winning formula. *Journal of Politics and Law* 2(4): 93–97.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. 2013a. Keputusan Pilihan Raya Umum. <http://www.spr.gov.my/> (accessed 14 May 2013).
- _____. 2013b. Kenyataan media – Penjelasan berhubung isu-isu berhubung PRU ke-13. 21 May. http://www.spr.gov.my/images/stories/pdf/KENYATAAN_MEDIA_21_MEI.pdf/ (accessed 27 May 2013).
- _____. 2008. Keputusan rasmi Pilihan Raya Umum ke-12. <http://semak.spr.gov.my/spr> (accessed 14 May 2013).
- The Malaysian Insider*. 2013a. Siapa dapat undi kaum India? 14 April. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/siapa-dapat-undi-kaum-india/> (accessed 14 May 2013).
- _____. 2013b. Waythamoorthy kata boleh buat kerja. 18 May. <http://www.themalaysianinsider.com/print/bahasa/waythamoorthy-kata-boleh-buat-kerja/> (accessed 4 June 2013).
- _____. 2012. Kaum India harus menjadi deposit tetap BN. 9 December. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-mahu-pengundi-india-jadi-deposit-tetap-bn/> (access 14 May 2013).
- The Star*. 2013. Results: 13th General Election 2013. 6 May.
- The Star Online*. 2013. GE13: Hindraf to partner with Barisan, says Waythamoorthy. 18 April. <http://elections.thestar.com.my/story.aspx?file=/2013/4/18/nation/20130418195501#.UabFw9jDMbA/> (accessed 30 May 2013).
- The Sun*. 2013. GE13 final results. 7 May.

- Thina Kural*. 2013a. Waytha Moorthy moodimaraikalama (Patutkah Waytha Moorthy tutup cerita). 14 April.
- _____. 2013b. Makkal kootani kolghai: Aatchike munnurimai, makkaluke yemathram (Pendirian PR: Kepentingan kuasa, rakyat kecewa). 4 May.
- _____. 2013c. Hindraf oozhikuuthuke udukaiyaditharvargal (Pemukul gendang bagi persembahan HINDRAF). 4 May.
- _____. 2013d. Waythamoorthyin parapurayil thallumullu (Tolak-menolak dalam kempen Waytha Moorthy). 4 May.
- _____. 2013e. Thesiya Munnani 133 – Makkal Kootani 89: Makkalin kalavaiyaana mananilayeikai kaatum thervu mudivugal (Barisan Nasional 133 – PR 89: Keputusan pilihan raya yang menunjukkan perasaan rakyat yang bercampur aduk). 7 May.
- _____. 2013f. Pazhanivel vimarsikka Denisonukku arugathaiyillai (Denison tidak layak komen Pazhanivel). 10 May.
- _____. 2013g. Vangaladesigalum vaakaalargal? Jananayagam saghadikkapathathu (Warga Bangladesh juga pengundi? Demokrasi dibunuh). 14 May.
- _____. 2013h. UMNO meethu mattumme pazhi podhe veendum (Tuduhan perlu dilempar pada UMNO sahaja). 14 May.
- _____. 2013i. Poi 'mai'yil unmai maraindathu (Kebenaran terselindung di dalam dakwat palsu). 15 May.
- Unit Perancangan Ekonomi. 2013. Dasar ekonomi baru. <http://www.epu.gov.my/web/guest/dasar-ekonomi-baru/> (accessed 2 June 2013).
- Utusankini.com*. 2012. Pengundi India beralih sokongan. 11 March. http://www.utusankini.com/2012/03/pilihanraya-13-pru-13_11.html/ (accessed 14 May 2013).
- Utusan Online*. 2013. PRU-13: 2.9 juta pengundi baharu punya peranan besar. 14 April. http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130414/px_38/PRU-13-29-juta-pengundi-baharu-punya-peranan-besar/ (accessed 31 May 2013).
- _____. 2011. HINDRAF: Serpihan atau demokrasi terpimpin? 10 March. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0310&sec=Reencana&pg=re_02.htm/ (accessed 31 May 2013).
- _____. 2010. 1513 belia manfaat pinjaman Tekun. 21 April. http://www.bharian.com.my/bharian/articles/1_513beliaIndiamanfaatpinjamanTekun/Article/index_html/ (accessed 5 June 2013).
- Vasil, R. K. 1980. *Ethnic politics in Malaya*. New Delhi: Radiant Publishers.
- Waytha Moorthy, P. 2011. *Malaysian Indian minority & human rights violations annual report 2010*. Pravasi Bharathiya Divas International Conference, Vigyan Bhawan New Delhi, India. 7–9 January.
- Zainal Abidin Ahmad. 2012. *PRU 13, UMNO tumpas?* Petaling Jaya: Gerakbudaya Enterprise.